

Maju projek berkualiti tinggi

HARIAN METRO 27/7/2017 P.20

Kuala Lumpur: Penggiat industri pembinaan di negara ini perlu bertanggungjawab melaksanakan sesuatu projek dengan rapi dan teliti bagi mencapai standard kualiti yang ditetapkan.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, tanggungjawab itu perlu dilaksanakan selari dengan manfaat yang diterima daripada kemakmuran ekonomi dan pelbagai peluang yang wujud dalam industri pembinaan.

“Saya percaya kelestarian adalah satu daripada aras paling penting dalam ‘subjek wajib’ mengikut buku laporan industri yang mencerminkan sikap terhadap ke-sejahteraan pekerja, orang ramai dan alam sekitar.

“Industri pembinaan Malaysia mempunyai masa depan cerah memandangkan terdapat pelbagai projek infrastruktur mega yang akan



FADILLAH (tengah) melawat pameran selepas merasmikan Persidangan Kejuruteraan Awam Global 2017, semalam.

terus memberi kekuatan kepada sektor ini.

“Antara projek berkenaan seperti Laluan Rel Pantai Timur, Transit Aliran Ringan 3, Transit Aliran Massa 2, Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia, Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak, Kereta Api Laju dan Lebuhraya Bertingkat Da-

mansara-Shah Alam,” katanya ketika merasmikan Persidangan Kejuruteraan Awam Global 2017, di sini, semalam.

Beliau berkata, jurutera awam di Malaysia dan negara lain kini sudah bersedia untuk menuju ke arah kelestarian melalui pelbagai kaedah dan pendekatan bagi mencapai matlamat itu.